

24 SEP 2002

Aziz-Amerika/I

K'JAAN M'SIA AKAN TERUS HANTAR PELAJAR BELAJAR DI AS, KATA AZIZ

MIRI, 24 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan terus menaja pelajar untuk belajar di Amerika Syarikat (AS) walaupun wujud desakan supaya menghantar mereka ke tempat lain ekoran syarat ketat yang dikenakan oleh pihak berkuasa AS dalam meluluskan visa pelajar, kata Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Shamsuddin hari ini.

Beliau berkata kerajaan masih belum memutuskan sama ada untuk berhenti menghantar pelajar ke AS tetapi pelajar tajaan kerajaan mempunyai pilihan untuk belajar di tempat lain.

"Kita ada banyak alternatif. Pelajar kita boleh belajar di Ukraine, New Zealand, Australia, China dan malahan Rusia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan antarabangsa pendidikan tinggi anjuran bersama Institut Pembangunan Sarawak dan Universiti Teknologi Curtin Sarawak (CUTS) cawangan Miri.

Persidangan tiga hari itu dihadiri lebih 150 ahli akademik dari lebih 20 negara sempena perasmian CUTS semalam.

Aziz, bagaimanapun berkata kerajaan tidak tergesa-gesa untuk berhenti menghantar pelajar ke AS dan akan berbuat yang terbaik untuk membantu pelajar terbabit mendapatkan visa mereka dan menamatkan pengajian mereka di sana.

Beliau berkata kerajaan tidak bercadang untuk meminta pelajar terbabit, yang kebanyakannya beragama Islam, untuk meneruskan pengajian mereka di universiti tempatan.

"Kita belum mengenal pasti mana-mana universiti tempatan bagi mereka untuk meneruskan pengajian mereka," katanya.

Minggu lepas, Aziz berkata lebih 150 pelajar Malaysia, yang pulang ke tanah air dari AS semasa cuti semester mereka, tidak dapat meneruskan pengajian mereka selepas kerajaan AS enggan mengeluarkan visa kepada mereka.

Ekoran perkembangan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan perlu mencari alternatif lain sekiranya pihak berkuasa AS tidak menukar dasar mereka mengenai pelajar Malaysia.

Aziz juga berkata kerajaan sedang memantau aktiviti pelajar universiti tempatan kerana disyaki ada di kalangan mereka merupakan anggota pergerakan Jemaah Islamiah (JI).

Beliau berkata masih terlalu awal untuk mengesahkan sama ada ada pelajar universiti tempatan terlibat dengan pergerakan itu yang dipercayai ada kaitan dengan kumpulan al-Qaeda.

-- BERNAMA

FLL RHM